



## HLB, HLISB muktamad urus niaga hijau RM300 juta bersama Cagamas

Oktober 3, 2023 @ 6:18pm



Hong Leong Bank (HLB)

KUALA LUMPUR: Hong Leong Bank (HLB) dan anak syarikatnya, Hong Leong Islamic Bank (HLISB), bersama-sama dengan Cagamas Bhd berjaya memuktamadkan urus niaga pembiayaan dan pinjaman perumahan hijau (aset hijau) bernilai RM300 juta.

Urus niaga itu dibiayai oleh terbitan Bon Hijau ASEAN Cagamas setahun bernilai RM210 juta dan sukuk Pelaburan Mampan dan Bertanggungjawab (SRI) Hijau ASEAN setahun bernilai RM90 juta di bawah program nota jangka sederhana (MTN) Islam/konvensional RM60 bilion perbadanan gadai janji negara.

Terbitan MTN Hijau ASEAN oleh Cagamas adalah terbitan korporat pertama Malaysia berkaitan pinjaman dan pembiayaan perumahan hijau, kata kedua-dua pihak dalam satu kenyataan bersama hari ini.

"Permintaan yang semakin meningkat bagi pembiayaan aset hijau menunjukkan betapa pentingnya untuk menangani dengan segera impak iklim dan isu kemampunan."

"Ia juga mencerminkan kesedaran yang semakin meningkat bahawa amalan perniagaan yang mampan bukan sahaja perkara yang betul untuk dilakukan tetapi juga penting untuk daya maju ekonomi jangka panjang dan pengawasan alam sekitar," kata Pengarah Urusan Kumpulan dan Ketua Pegawai Eksekutif HLB, Kevin Lam.

Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Cagamas, Kameel Abdul Halim, berkata pembelian aset hijau ini bukan sahaja memberi sumbangan positif kepada alam sekitar tetapi juga mengukuhkan peranan pentingnya dalam memudahkan kecairan dalam pasaran modal hijau yang sedang membangun.

"Langkah praktikal ini menggariskan usaha berterusan kami sebagai perantara dalam pasaran sekunder, membantu menyokong inisiatif hijau yang diterajui industri untuk mencapai agenda kemampaman mereka," kata Kameel.

Oleh itu, beliau berharap dapat meluaskan pembabitan Cagamas dalam pasaran bon/sukuk hijau dan menjangkakan momentum yang berterusan untuk membuka jalan bagi terbitan penawaran yang lebih berkesan dan berterusan.

"Kami mengharapkan kerjasama industri yang serupa, yang sejahtera dengan agenda kemampaman Cagamas, untuk meningkatkan kebolehcapaian kepada rumah hijau mampu milik dan mengukuhkan ekosistem kewangan hijau," katanya.

Sehingga kini, Cagamas secara terkumpul telah menerbitkan bon dan sukuk berkaitan kemampaman bernilai RM2.9 bilion di bawah program MTN konvensional/Islam bernilai RM60 bilion.

-BERNAMA